



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH**
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

17 Julai 2024

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) merujuk kepada laporan media bertarikh 16 July 2024 yang bertajuk “HRD Corp threatens to sue The Edge over reporting of PAC, AG reports” yang disiarkan dalam laman sesawang The Edge Malaysia.
2. Berdasarkan laporan media berkenaan, suatu surat tuntutan telah dikeluarkan oleh peguamcara HRD Corp, Tetuan Amrit & Company terhadap pemilik The Edge dan seorang individu lain daripada HRD Corp. Melalui surat tersebut, HRD Corp telah menuntut supaya The Edge antara lain, mengeluarkan dan memadam beberapa rencana yang disiarkan oleh The Edge dalam laman sesawang mereka berkenaan dengan laporan PAC dan laporan Ketua Audit Negara. HRD Corp juga menuntut supaya suatu permohonan maaf disiarkan dan yang paling mengejutkan lagi, pampasan untuk dibayar kepada HRD Corp.
3. PAC memandang serius perkara dan menganggap bahawa tindakan ini merupakan suatu percubaan untuk memberi tekanan kepada pihak media untuk tidak menyiarkan Laporan PAC berhubung HRD Corp. PAC juga melihat tindakan HRD Corp sebagai suatu percubaan untuk menghalang The Edge daripada melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengamal media.

4. Yang paling penting, PAC melihat tindakan HRD Corp ini sebagai suatu usaha untuk melemahkan atau menjejaskan kredibiliti PAC. Pengurusan tertinggi HRD Corp perlu diingatkan bahawa PAC telah ditubuhkan selama 65 tahun sejak dari tahun 1959 dan kesemua laporan PAC tidak pernah dipertikaikan kerana kesemua laporan yang dikemukakan adalah berdasarkan kenyataan saksi-saksi yang dipanggil semasa prosiding PAC.
5. Sebagai sebuah syarikat yang tertakluk di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 serta dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp sepatutnya menerima dapatan dan syor-syor Laporan PAC dengan terbuka untuk penambahbaikan. Tindakan HRD Corp ini jelas bertentangan dengan prinsip semak dan imbang serta keterbukaan Kerajaan untuk menerima kritikan membina bagi menambah baik tatakelola negara.
6. Akhir kata, PAC sebulat suara menyeru HRD Corp untuk mengarahkan peguamcara mereka untuk menarik balik surat tuntutan ini.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen